

## Pensejarahan Baharu (*New Historicism*) dalam Novel *Gerila*

Akif Faizullah Jamaludin<sup>1\*</sup> dan Saravanan A/L P. Veeramuthu<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM Pulau Pinang.

### ABSTRAK

*Sastera dan sejarah sebenarnya mempunyai ikatan yang kuat walaupun kedua-dua bidang ini saling menampilkan perbezaan antara satu sama lain. Dalam bidang kesusasteraan, terdapat karya sastera yang menggunakan sejarah sebagai isi utama dalam menggerakkan plot dalam karya. Antara genre sastera yang kerap menggunakan sejarah ialah novel. Karya seumpama ini dipanggil sebagai novel sejarah. Novel sejarah menggabungkan fiksyen dan fakta sejarah untuk melahirkan sebuah karya kreatif. Dalam novel sejarah, muncul satu aliran baharu yang dinamakan pensejarahan baharu atau New Historicism. Pensejarahan baharu melihat fakta lama perlu dikontruksikan semula kepada bentuk realiti baharu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan satu praktis pengisian semula sesuatu fakta sejarah dengan idea kreatif yang berbentuk fiksyen bagi melahirkan makna dan pandangan baharu kepada pembaca. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan suatu konsep kerangka pensejarahan baru yang dikemukakan oleh Ghatar Taib dan Halim Ali (2018) dalam teori New Historicism. Kerangka New Historicism ini akan dipraktikkan terhadap teks novel *Gerila* nukilan Lukman Iskandar untuk melihat sejauh mana teks ini menepati konsep pensejarahan baharu ini. Perbincangan ini akan meneliti sejauh mana naratif novel ini menepati konsep New Historicism berdasarkan isu terpilih. Penelitian ini akan bersandarkan fakta sebenar serta isu di tanah Patani melalui pelbagai sumber sahih.*

**Kata Kunci:** Pensejarahan Baharu, *New Historicism*, Novel, *Gerila*, Patani.

### PENGENALAN

Pentafsiran sejarah bukanlah boleh dilakukan dengan semudah-semudahnya untuk mendapatkan fakta yang rigid dan tepat supaya diterima oleh segenap lapisan masyarakat sebagai sebuah sejarah. Fakta-fakta sejarah ini tidak dapat direnungkan dengan sebetul-betulnya untuk mempermerkan ketepatan seratus peratus fakta sejarah itu berlaku. Syed Muhammad Naguib al-Attas (2014:1) berpendapat andai kata penulisan sejarah itu harus ditumpukan pada pengkajian fakta yang bersifat runcitan, andai kata sejarah itu harus membayangkan segala hal sehingga termasuk kejadian yang kecil-kecil dalam penghidupan insan, andai kata sejarah itu harus merupakan penulisan seluruh fakta-fakta dengan secara mutlak, justeru tiada mungkin akan tercapai hasrat insan untuk mentafsirkan sejarah. Pernyataan ini lebih memperlihatkan pandangan tentang sejarah dari sudut ahli sejarah lebih menumpukan soal ketepatan fakta sesebuah peristiwa.

Selain itu, jika dilihat pada sudut kesusasteraan pula, sejarah merupakan satu dapatan sumber yang dapat menjadi rujukan kepada pengarang untuk menghasilkan sesebuah karya. Hal ini bermaksud karya sastera boleh menggunakan fakta sejarah sebagai sumber untuk menggerakkan plot cerita yang direka secara fiksyen. Penggabungan fiksyen sastera dan fakta sejarah dapat memberikan sesuatu penghasilan karya kesusasteraan yang menarik untuk dibaca. Tambahan pula, Abdul Halim Ali (2012) berpendapat dalam bidang kesusasteraan, aspek sejarah turut menjadi satu sumber pengkaryaan, kritikan dan rujukan. Justeru itu, fakta sejarah bukan sahaja dapat membantu menjadi sumber pengkaryaan fiksyen sastera sahaja malah dapat menjadi rujukan akademik dalam bidang kesusasteraan seperti ilmu kritikan.

\*Koresponden: [f\\_akif@yahoo.com](mailto:f_akif@yahoo.com)

Hubungan sejarah dan kesusasteraan ini mempunyai konteks pro dan kontranya. Kedua-dua bidang ini saling memerlukan dan mempunyai ikatan yang kuat antara satu sama lain. Namun begitu, kedua-dua bidang ini juga saling berlawanan menampilkkan perbezaan antara satu sama lain. Dalam bidang kesusasteraan, terdapat karya sastera yang menggunakan sejarah sebagai isi utama dalam menggerakkan plot dalam karya tersebut. Antara genre sastera yang kerap menggunakan sejarah ialah novel. Karya seumpama ini dipanggil sebagai novel sejarah. Novel sejarah menggabungkan fiksyen dan fakta sejarah untuk melahirkan sebuah karya kreatif. Satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah sesebuah novel yang dihasilkan itu sebenarnya terikat kepada sejarah yang berpunca daripada khalayak masyarakat yang menciptanya. Perkembangan novel sejarah sebagai satu genre dan bidang kajian mula berputik sejak zaman Romantisme sebelum menemui kematangannya pada abad ke-19 akibat era Pencerahan dan perkembangan nasionalisme yang dirintis oleh Revolusi Perancis. Lantaran itu, novel sejarah telah ditebalkan oleh semangat nasionalis yang berusaha untuk mencipta masa lalu yang ditulis semula atau dilahirkan kembali sama ada dengan menjelmakan semula kegemilangan silam atau merakamkan keperitan yang dilalui oleh sesebuah negara atau bangsa yang menuju kemajuannya. Sehubungan itu, novel sejarah dapat memperkenalkan dan mengakrabkan suatu masyarakat pada masa lalu bangsanya lantas menyemai jati diri pada bangsanya (Apsanti Djokosujatno, 2002:1). Oleh itu, ramai penulis yang hebat telah merintis dan membangunkan genre ini sebagai salah satu wadah untuk menceritakan fakta sejarah menggunakan landasan fiksyen.

Dalam kajian novel sejarah, muncul satu aliran baharu yang dinamakan pesenjajaran baharu atau *New Historicism*. Ghafar Taib dan Halim Ali (2012) menjelaskan pensejarahan baharu memberikan kedudukan kesusasteraan sebagai pembicara yang boleh memerihalkan bangsanya bertujuan melihat keserasian makna teks dengan sejarah untuk dibandingkan dengan kehidupan terkini sesuatu bangsa. Antara pelopor terkenal *New Historicism* ini ialah Greenblatt. Beliau mula mempelopori bidang kajian ini kerana tidak berpuas hati dengan bidang-bidang kajian sejarah sebelumnya seperti formalisme, old-historicisms dan sebagainya.

Kajian ini secara ringkasnya cuba meninjau fakta sejarah yang terselit dalam novel yang bermuansa sejarah, khususnya perjuangan masyarakat Patani di Thailand. Untuk itu, penelitian ini memilih sebuah novel yang berjudul *Gerila* (2009) nukilan Lukman Iskandar sebagai data untuk kajian ini. Novel ini dipilih kerana nukilan ini berjaya menyajikan wajah baharu terhadap penglibatan individu dalam perjuangan militan. Malahan tema dan persoalan yang diangkat kelihatan hidup dan berkesan melalui bincangan imaginatif dengan menggunakan fakta yang lebih meyakinkan (Saravanan, 2018). Manakala Ariff (2016) pula menegaskan bahawa pengarang yang mempunyai kesedaran politik dan berniat untuk membawa persoalan politik untuk mewarnai karya ciptaananya dengan menggunakan cara yang tidak berterus-terang dalam pelahiran maksud. Secara tuntasnya Fokus penelitian meliputi tiga aspek, iaitu sejarah tentang tokoh.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pensejarahan secara asasnya lebih menumpukan fakta-fakta sejarah semata-semata tanpa mengambil kira aspek luat konteks sejarah itu sendiri. Teks-teks sejarah harus diasingkan daripada mempunyai hubungan rapat dengan aspek-aspek luar konteksnya termasuk fiksyen kesusasteraan. Pendapat-pendapat sebegini selalunya dianut oleh fahaman-fahaman lama bidang sejarah seperti *Formalisme*, *Old-Historicism* dan *Strukturalisme*. Namun begitu, lama-kelamaan terdapat beberapa orang ahli sejarah yang sudah mula menganggap fahaman-fahaman sebegini kurang tepat dan harus diubah suai. Mereka menganggap sejarah akan menjadi tepu dan tidak berkembang sekiranya hanya statik dengan fakta semata-mata tanpa mengambil unsur luar konteks. Antara tokoh sejarah yang berpendapat sebegini ialah Greenblatt. Beliau berpendapat bahawa aspek sejarah dan budaya mempunyai kaitan langsung dengan teks dan pengkaryanya (Mano Sikana, 1998).

Berdasarkan ketidakpuasan hatinya terhadap fahaman lama ahli sejarah yang mendukung pendapat bahawa sejarah harus berdiri dengan fakta semata-mata tanpa mengambil kira luar konteks, Greenblatt menjadi antara pelopor penting dalam fahaman *New Historicism*. *New Historicism* atau pensejarahan baharu merupakan suatu tindak balas seseorang pengkaji terhadap sesuatu peristiwa yang dikaji. *New Historicism* beranggapan ahli sejarah tidak dapat menulis sejarahnya atau sejarah era mana pun dengan tepat kerana dirinya dipengaruhi oleh sikap bias atau berat sebelah yang berpunca daripada pengaruh budaya dan sejarah di tempat ia tinggal (Bressler, 1999). Oleh itu, ternyata *New Historicism* harus dikaji dari sudut ideologi yang dibawa oleh pengarang terhadap sesuatu peristiwa yang ditulisnya.

Kaitan antara fiksyen dan sejarah bukanlah suatu fenomena yang baru. Menurut Umberto Eco (1983), seseorang pengarang boleh memanfaatkan sejarah dalam karyanya melalui tiga cara, yakni menggunakan latar sejarah untuk menceritakan kisah percintaan masa silam: mengangkat kisah misteri dengan menggunakan watak sebenar masa lalu yang dikenali atau sebagai novel sejarah, atau mencipta watak-watak dan situasi berdasarkan peristiwa sejarah.

Selain itu, terdapat fakta-fakta sejarah tentang sesuatu peristiwa itu tidak ditulis secara meluas dan membawa kepada pelbagai pentafsiran. Hal ini akan memberikan kekeliruan dari sudut fakta sejarah. Justeru itu, perkara ini juga akan menjelaskan fahaman *New Historicism* yang menjadikan sejarah sebagai sumber untuk dikembangkan mengikut cara sendiri seperti karya sastera. Sebagai contoh, peristiwa konflik yang berlaku di Patani mempunyai pelbagai pendapat dan fakta yang bercanggah antara satu sama lain. Kisah konflik di Patani ditulis mengikut pengaruh tafsiran atau sudut pandangan seseorang mengikut pengalamannya yang saling bercanggahan sehingga melahirkan pelbagai fakta dan pendapat. Jika dilihat daripada pihak kerajaan Thai, para pejuang pembebasan Patani dianggap sebagai penganas namun jika dilihat pada sudut pandangan rakyat Patani, para pejuang pembebasan Patani bolehlah dianggap sebagai pejuang sejati atau wira rakyat Patani. Oleh itu, permasalahan boleh menjadi persoalan yang menarik untuk dikaji.

## **TEORI NEW HISTORICISM**

*New Historicism* merupakan kaedah teori pascamoden yang berkaitan dengan pensejarahan baharu. Umar Junus (1996) antara tokoh yang gemar menggunakan istilah pensejarahan baharu bagi merujuk kepada *New Historicism*. Antara pelopor teori *New Historicism* ini ialah Stephen Greenblatt. Menurut Jeremy Hawthorn (1996:45) Greenblatt mengaitkan *New Historicism* ini dengan pelaksanaan *negotiation* yang bermaksud menghubungkan teks dengan teks dan sejarah dengan sejarah. Namun begitu, *New Historicism* tidak hanya tertutup pada skop sejarah sahaja. Mana Sikana (2005:410&412) menjelaskan *New Historicism* menekankan unsur intertekstualiti dalam konteks hubungan sejarah dengan budaya bagi memahami idea dan makna teks. Pendapat H. Aram Veeser (1989: ix) dapat menjelaskan lagi pernyataan Mana Sikana (2005) dengan menyatakan, “*New Historicism has given scholars new opportunities to cross the boundaries separating history anthropology art, politics, literature and economics.*”. Oleh itu, jelaslah bahawa *New Historicism* merupakan teori yang bukan sahaja menjalinkan pemaknaan teks dengan konteks sejarah semata-semata akan tetapi turut melibatkan budaya masyarakat tertentu.

Mana Sikana (2005:412-413) menemukan tiga kaedah aplikasi teori *New Historicism* daripada Greenblatt yang terdiri daripada fotokopi, nostalgia dan idealistik. Fotokopi merupakan cenderung kepada penyalinan ataupun kepersisan dengan penggambaran semula kisah atau sejarah lama. Nostalgia pula ialah mengenang semula masa lampau dengan penuh kesyahduan sama ada perkara yang manis atau pun pahit. Idealistik pula ialah satu aspek kesempurnaan yang mampu idea kepada pengarang untuk mengaplikasikan kisah silam kepada cerita atau fiksyen yang lebih menarik.

Sementara itu, Ghazali Taib dan Halim Ali (2018:45) yang lebih gemar menggunakan istilah Historisisme Baharu pula mengemukakan tiga konsep yang lebih sesuai dengan sejarah dan teks Melayu. Tiga konsep tersebut terdiri daripada:

- a) Hubung kait sejarah atau ceritera baharu dengan sejarah atau kisah lama.
- b) Dekonstrasi sejarah atau cerita dengan metode jungkir balik dan pemaknaan semula
- c) Sejarah atau cerita berkait langsung dengan ideologi pengarang.

Oleh itu, ketiga-tiga konsep ini akan diaplikasikan dalam novel *Gerila* untuk diungkapkan dengan konteks peristiwa sejarah yang berlaku di Patani.

## TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Kajian terhadap novel *Gerila* pernah dilakukan oleh beberapa orang sarjana. Pelbagai sudut telah dibincangkan di dalam kajian-kajian ilmiah ini. Aminoh Jehwae (2017) pernah mengemukakan kajian yang bertajuk “Krisis Masyarakat Melayu di Selatan Thailand dalam Cereka Terpilih: Satu Pendekatan Kajian Budaya” dengan mengaplikasikan isu krisis masyarakat Melayu Patani dalam novel termasuk *Gerila*. Kajian ini telah menyingkap krisis masyarakat Melayu Patani dari segi persamaan krisis tersebut antara kisah dalam novel dengan realiti sebenar di sana. Selain itu, beberapa perbincangan tentang novel ini juga pernah dilakukan oleh Nazmi Yaacob (2017) di dalam akhbar *Berita Minggu* bertarikh 27 Ogos 2017 di bawah tajuk “Patriotisme latar kekuatan *Gerila*”. Nazmi Yaacob (2017) menyifatkan novel *Gerila* sebagai sebuah novel yang memerihalkan semangat patriotik berdasarkan kisah sebenar penulisnya sehingga memberikan unsur yang menarik dan semangat patriotisme kepada pembaca. Selain itu, Isma Ae Mohamad (2009) pula menyifatkan novel ini merupakan kisah pemberontakan Melayu Patani sekitar tahun 60-an dan 70-an berdasarkan pengalaman penulisnya. Unsur kekecewaan itu tidak dapat dinafikan tergambar terhadap perpecahan yang berlaku dalam kalangan pemimpin masyarakat Melayu Patani. Terbaru, Saravanan (2018) telah melihat novel ini secara perbandingan dengan sebuah novel Tamil Sri Lanka yang bertajuk *Gorilla* dalam kertas kerjanya yang berjudul “Motif Dan Motivasi Watak Dalam Novel Terorisme”.

Di samping itu, selain kajian terhadap novel *Gerila*, kajian-kajian kesusasteraan tentang isu di Patani juga turut dijalankan oleh beberapa orang sarjana. Siti Hajar Che Man pernah mengutarakan isu wanita di Patani dengan makalah bertajuk “Darah dan air Mata Perjuangan Wanita di Tanah Selatan: Menerusi Novel *Lukanya Merah* karya Rohani Deraman”. Rozais al-Anamy (2014) juga pernah membincangkan novel yang sama di dalam artikel yang berjudul “Fiksi Sejarah Kekejaman di Patani” diterbitkan oleh *Utusan Malaysia* pada 23 November 2014. Seterusnya, Rahimah A. Hamid, Md Salleh Yaapar dan Syahidatul Munirah Badrul Munir pernah membuat satu kajian bertajuk “Lirik Lagu Perjuangan Melayu-Islam Patani Media Baharu: Suatu Analisis” dalam jurnal Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* pada 2015. Selain itu, Sohaimi Abdul Aziz turut membuat kajian tentang Patani menerusi “Konflik Politik Antara Melayu Patani dan Kerajaan Siam-Thai: Suatu Kajian Puisi-Puisi Melayu Patani di Laman Sesawang” yang turut tidak terkecuali membicarakan isu Patani dalam konteks kesusasteraan.

Kajian-kajian ini telah menggunakan teks sumber yang sama yakni *Gerila* ataupun teks-teks sastera yang lain. Jurang yang jelas kelihatan ialah pendekatan pensejarahan baharu belum lagi digunakan terhadap novel ini atau karya-karya Patani yang lain. Oleh itu, kajian ini mampu mengisi kelompongan tersebut.

## PERBINCANGAN

Kajian ini mengaplikasikan konsep teori *New Historicism* terhadap novel *Gerila* karya Lukman Iskandar. Aplikasi teori terhadap novel ini harus menghubungkaitkan fiksyen dengan sejarah dan budaya masyarakat tertentu. Kajian ini akan menghubungkaitkan novel *Gerila* dengan sejarah dan budaya masyarakat di Patani. Patani masih bergolak dengan isu masyarakat Melayu Patani yang mempunyai krisis dengan kerajaan Thailand sendiri. Oleh itu, konsep-konsep dalam teori *New Historicism* yang dipilih akan menghubungkaitkan teks novel *Gerila* dengan isu pergelakan di Patani.

### a) Hubung kait sejarah atau cerita dengan sejarah atau kisah lama

Setiap bangsa yang hadir di bumi ini tidak akan pernah terlepas dari sejarah silamnya. Pengarang juga tidak terlepas daripada menyampaikan sesuatu cerita atau sejarah bangsanya. Hal ini pernah ditegaskan oleh Wellek dan Warren (1995) yang melihat sesuatu karya sastera yang dihasilkan oleh masyarakat sebenarnya merupakan sebahagian daripada sejarah bangsa tersebut. Nuansa latar belakang sejarah dan peristiwa sejarah yang sebenarnya terjadi tersebut seringkali diangkat sebagai sebahagian daripada latar karya mereka. Sejarah dan sastera saling melengkapi satu sama lain. Masyarakat Patani yang kini mendiami wilayah selatan Thailand juga memiliki warisan sejarah yang panjang. Kegemilangan zaman Ratu-ratu Patani yang pada suatu ketika dahulu menjadi milik dan kebanggaan mereka telah luntur dan mereka kini berjuang secara mati-matian untuk membebaskan diri daripada cengkaman pihak berkuasa yang memiliki kuasa politik. Situasi ini turut digambarkan oleh Lukman Iskandar dengan jelas sekali seperti petikan di bawah:

“Sebagai anak Patani tulen, Raziman wajib berjuang membebaskan bumi Patani daripada belenggu penjajahan Siam.” Ayahanda mengakhiri kata-katanya.

(Lukman Iskandar, 2009:48)

Sebenarnya, isu pembebasan Patani daripada jajahan Siam ini banyak diulang oleh Lukman Iskandar dalam novel sehingga dapat dikatakan menjadi tema utama novel ini. Isu pembebasan Patani daripada jajahan Siam ini bukanlah satu rekaan semata-mata. Banyak fakta yang menceritakan isu pembebasan Patani ini seperti yang terdapat dalam kajian, akhbar dan lain-lain lagi. Antara fakta yang menyebut isu pembebasan Patani adalah melalui tulisan Che Mohd Aziz Yaacob seperti petikan berikut:

Dasar-dasar ini berbentuk tekanan dan paksaan ke atas orang Melayu Patani bagi memastikan rakyat Patani tidak bangkit dan merampas kembali kuasa mereka dari penaklukan Siam

(Che Mohd Aziz Yaacob, 2012:108)

Hal ini jelas membuktikan Lukman Iskandar menepati konsep terpilih ini yang mementingkan penggambaran semula kisah atau sejarah. Pengarang seakan *copy* dan *paste* sahaja kisah-kisah yang ingin diambilnya semula daripada kisah nyata. Selain itu, lanjutan daripada isu pembebasan Patani ini, Lukman Iskandar juga memetik kisah-kisah pergelakan di Patani antara masyarakat Melayu Patani dengan pihak berkuasa Thailand. Sebagai contoh:

“Ramaunya. Kekuatan kita keseluruhannya pula?” tanya Raziman.

“Kira-kira 2 000 anggota juga. Tidak termasuk 600 kekuatan gerila bandar,” jawab Kolonel Khairuddin.

Jumlah ini adalah kecil berbanding keseluruhan kekuatan tentera Thai yang berjumlah 400 000 orang. Tetapi sekiranya keseluruhan 1 000 000 orang rakyat Patani mengangkat senjata, tentulah Patani boleh merdeka juga.

(Lukman Iskandar, 2009:118)

Petikan di atas menunjukkan pergolakan antara Melayu Muslim Patani dengan pihak berkuasa Thailand. Pergolakan ini tercetus hasil daripada perjuangan pembebasan Patani daripada cengkaman jajahan Siam. Perkara ini terbukti benar-benar berlaku berdasarkan fakta-fakta yang dianggap benar. Peristiwa ini:

*...resulted in greater political violence that spread into the rural Southern provinces as confrontation between the Thai authorities and Malay Muslim groups such as the PPM escalated with untold numbers injured and killed on both sides*

(Antonio L. Rappa, 2013:132)

Perjuangan pembebasan Patani daripada jajahan Siam atau Thailand ternyata benar-benar berlaku dan berpanjangan sehingga ke hari ini. Malah hal ini telah berlanjut kepada siri-siri pergolakan dan konfrontasi antara pihak Melayu Muslim dengan pihak berkuasa Thailand yang mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Perkara ini telah dimaujudkan oleh Lukman Iskandar untuk menggerakkan plot-plot cerita novel ini dengan menarik. Isu pembebasan dan pergolakan di Patani ini juga menjadi latar tempat dan masa dalam novel ini.

b) Dekonstruksi sejarah atau cerita jungkir balik dan pemaknaan semula

Dekonstruksi bererti pembinaan semula sesuatu perkara berdasarkan fakta lama yang sudah diterima pakai oleh masyarakat. Dekonstruksi sejarah merujuk kepada satu definisi pembinaan atau pemaknaan semula kisah-kisah yang telah berlaku. Menurut Mana Sikana (2005), dekonstruksi dari segi teorinya ialah pembongkaran dan penggalian makna yang tersembunyi dalam teks dengan mengubah semula sistem struktur dengan cuba mencungkilkan makna-makna yang tersirat di dalamnya. Hal ini dilihat seakan sama dengan cara dekonstruksi dalam proses kreatif Lukman Iskandar. Kisah-kisah yang telah berlaku ini telah distrukturkan semula oleh pengarang berdasarkan pemahaman dan keinginan sendiri bagi mendapatkan plot cerita yang menarik namun masih berpaksikan makna yang sama dengan fakta peristiwa atau sejarah sebenar Patani. Novel *Gerila* ini memperlihatkan kebijaksanaan Lukman Iskandar mendekonstruksikan sejarah kepada penceritaan baharu yang menarik. Sebagai contoh:

"TPP ialah sayap kepada BPMP, Barisan Pembelaan Melayu Patani. Ayahanda dan Pak Seladang adalah antara 14 anggota Dewan Pimpinan BPMP. Yang lain-lain anakanda belum kenal lagi. Dalam kabinet TPP dan Gerila Bandar, Ayahandalah yang berkuasa ke atas TPP dan Gerila Bandar. Dalam BPMP, Ayahanda juga Setiausaha Agung. BPMP adalah sebuah parti revolusi yang memperjuangkan kemerdekaan Patani secara revolusi bersenjata. BPMP lahir hasil manifestasi Presiden Sukarno yang mahu mencantumkan seluruh kepulauan Melayu di bawah gagasan Indonesia Raya atau Melayu Raya termasuk Selatan Thailand, dari Patani sehingga ke Segenting Kra. BPMP ditubuhkan pada 13 Mac 1960."

(Lukman Iskandar, 2009:72)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat tiga pertubuhan atau pergerakan yang disebut oleh Lukman Iskandar dalam novel ini. Ketiga-tiga pertubuhan itu terdiri daripada Barisan Pembelaan Melayu Patani (BPMP), Tentera Pembelaan Patani dan Gerila Bandar. Barisan Pembelaan Melayu Patani dilihat seakan sama dengan sebuah pertubuhan yang benar-benar di Patani. Hal ini ada disebut oleh Joseph Lo Bianco (2016) dalam *On Terrorism, Inclusion, Reconciliation and Thai State* seperti berikut:

*It is true that the Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani or BRN, the 'National Revolutionary Front' which controls most insurgents on the ground doesn't aim for 'autonomy'; it calls for full independence.*

(Joseph Lo Bianco, 2016)

Barisan Revolusi Nasional Melayu (BRN) sememangnya wujud dan aktif di Patani berdasarkan fakta-fakta dan kajian yang telah dijalankan seperti Joseph Lo Bianco dan lain-lain. Namun begitu, Lukman Iskandar tidak melakukan fotokopi semula pertubuhan yang benar-benar wujud ini. Pengarang melakukan sedikit perubahan terhadap nama pertubuhan tersebut kepada Barisan Pembebasan Melayu Patani (BPMP). Hal inilah menunjukkan berlaku dekonstruksi pada nama pertubuhan tersebut. Peranan dan ciri kedua-dua pertubuhan ini dilihat seakan sama iaitu menentang pihak kerajaan Thai bagi menuntut kebebasan Patani. Pengarang melakukan sedikit perubahan terhadap nama pertubuhan tersebut kepada Barisan Pembebasan Melayu Patani. Hal ini dilakukan bagi menepati unsur fiksyen yang tidak boleh mengikuti fakta sepenuhnya.

Selain itu, Antonio L. Rappa juga ada menyebut beberapa fakta tentang pertubuhan-pertubuhan yang memperjuangkan pembebasan Patani daripada Siam. Hal ini dapat berdasarkan petikan ini:

*They paved the way for the emergence of the Patani United Liberation Organization (PULO) in the mid to late 1960s... PULO itself was a clever "political compromise" program between the BNPP and the BRN to appeal the most of the modern Muslims while appeasing the harder right wing locals.*

(Antonio L. Rappa, 2013:132)

Pernyataan di atas jelas menunjukkan terdapat beberapa pertubuhan yang benar-benar wujud di Patani berjuang membebaskan tanah tersebut daripada Siam. Lukman Iskandar dilihat bijak memaknakan semula fakta-fakta ini dengan mengubah nama-nama pertubuhan tersebut kepada Barisan Pembebasan Melayu Patani, Tentera Pembebasan Patani dan Gerila Bandar. Hal ini dilakukan bagi menepati unsur fiksyen yang tidak boleh menepati fakta sejarah sepenuhnya selain cuba menghindarkan isu sensitif dan kontroversi yang membahayakan perjuangan nyawanya. Oleh itu, jelaslah proses kreatif Lukman Iskandar dalam novel ini menepati konsep dekonstruksi sejarah dengan memaknakan semula sesuatu fakta sejarah.

c) Sejarah atau cerita berkait langsung dengan ideologi pengarang.

Setiap pengarang sememangnya mempunyai ideologi sendiri dalam menyampaikan sesuatu dalam ceritanya. Menurut Fairclough dalam Jorgensen (2007) ideologi merupakan makna yang melayani kekuasaan. Kekuasaan yang dilayani oleh makna ini barangkali boleh jadi menyokong atau menentang kekuasaan tersebut. Althusser (2010) pula menjelaskan ideologi bukanlah kepalsuan atau rekaan tetapi berperanan sebagai sesuatu subjek terhadap individu-individu melalui *interpelasi* atau seruan. Dalam karya kesusasteraan, pengarang tentunya ingin menyeru pembaca untuk menurut ideologinya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ideologi seseorang pengarang itu tentunya dipengaruhi oleh ciri-ciri keperibadiannya. Keperibadian ini merangkumi asal-usul, bangsa, fahaman, pemikiran dan sebagainya. Hal ini turut berlaku terhadap Lukman Iskandar. Tajuk novel *Gerila* ini sedikit sebanyak sudah menggambarkan ideologi Lukman Iskandar dalam karya beliau ini. Secara realitinya, Lukman Iskandar sememangnya merupakan bekas gerila bagi Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN) yang merupakan sebuah pertubuhan pembebasan Patani. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan Belia Ahmad (2009):

Novel *Gerila* merupakan satu novel yang ...berlatar belakang pada tahun akhir 70an... ditulis oleh Lukman Iskandar, seorang bekas tahanan ISA yang merupakan bekas gerila bagi Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani(BRN).

(Ahmad Belia: <http://ammosham.blogspot.com/2009/05/tasik-kenyir-cerita-empat.html>)

Sementara itu Karim Hassan (1994) turut mengakui bahawa:

Lukman Iskandar merupakan seorang tokoh BRN yang sangat terkenal dengan kontroversi yang sentiasa mengkritik dan mengecam DPP yang dianggapnya sebagai "prokomunis".

Penglibatan Lukman Iskandar sebagai gerila bagi Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN) memperlihatkan watak utama Raziman merupakan bayangan pengarangnya. Raziman juga menganggotai pertubuhan pembebasan Patani disebut sebagai Barisan Pembebasan Melayu Patani (BPMP). Hal ini dapat melalui petikan di bawah:

*"Bismillahirahmanirahim. Saya Tengku Raziman bin Tengku Sofian Indera, cucu Tengku Zakaria Putera, dengan ini melafazkan kalimah *wallahi wabillahi watallahi*. Saya dengan rela hati mengaku menjadi anggota Barisan Pembebasan Melayu Patani ataupun BPMP. Saya akan berjuang hingga ke titisan darah yang akhir bagi membebaskan negara Patani daripada penjajahan Siam. Amin."*

(Lukman Iskandar, 2008:131)

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas dapat dijelaskan bahawa Lukman Iskandar menggunakan watak Raziman sebagai alat untuk beliau menyampaikan ideologinya dalam karya. Keperibadian Lukman Iskandar seakan hidup dalam watak Raziman rekaan beliau. Raziman merupakan cerminan perjuangan Lukman Iskandar dalam usaha untuk membela nasib bangsa Melayu Patani. Mukadimah penerimaan Raziman terhadap perjuangan kumpulan Patani ini merujuk kepada dua perkara iaitu tentang idealistik pengarang serta kebesaran Islam sebagai asas yang penting dalam identiti masyarakat Patani. Secara langsung kita dapat lihat bahawa dalam novel ini Lukman Iskandar cuba membuat sintesis tentang ideologinya melalui hasil karyanya. Novel ini memperlihatkan usaha timbal balik pengaruh Islam yang menjadi paksi perjuangan, motivasi dan penyatuhan masyarakat Patani yang merintis kepada perjuangan mereka. Golongan ini cuba membebaskan Patani daripada pengaruh Siam yang menindas dan tidak mempedulikan nasib bangsa Patani dan Islam tersebut. Ideologi ini tersuguh dalam latar cerita novel ini dan pengaruh pemikiran ini jelas menonjol dalam keseluruhan novel ini.

Penulis novel ini membuktikan bahawa hasil karyanya itu memiliki nilai karya historiografi masyarakat Melayu Patani. Hal ini demikian kerana karya Lukman Iskandar ini menyentuh dan mengupaskan sisi perjuangan masyarakat Patani serta falsafah sejarah orang Melayu Patani terlibat dalam perjuangan tersebut. Namun begitu, seperti yang diketahui sehingga hari ini, Patani masih belum berjaya membebaskan tanah tersebut daripada cengkaman penjajahan Siam. Novel *Gerila* ini barangkali menjadi penawar atau katarsis kepada perjuangan penulisnya yang tidak menemui jalan penyelesaian. Hal ini pernah dibicarakan oleh Isma Ae Mohamad (2009) yang menyatakan:

Dalam banyak memoir mahupun autobiografi yang dirakam oleh bekas gerilawan yang 'kalah' selalunya dihidupkan dengan cerita-cerita atau aksi-aksi hebat sepanjang pemberontakannya. Adakalanya boleh naik muak. Semuanya untuk membenarkan tindakannya dahulu atau untuk 'membetulkan' sejarah. Jarang sekali ia ditulis untuk renungan ke arah keinsafan tentang 'kekalahan' itu.

(2009)

Di samping itu, dari sudut positifnya pula, penulisan novel ini yang menjalankan sastera dengan sejarah ini dianggap dapat memberi manfaat atau faedah kepada generasi terkemudian untuk memahami dan menyedari perjuangan mereka itu. Tambahan pula penentang dan tulisan yang terbuka mampu mendekatkan masyarakat Patani dan penulis kepada ancaman Siam. Lantaran itu, ideologi pengarang dibancuh dengan menggunakan karya kreatif yakni kaedah yang mendedahkan sejarah masyarakat ini tetapi berlapis dengan strategik kreatif yang tidak memudahkan pihak pemerintah mengambil tindakan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, ketiga-ketiga konsep yang dikemukakan oleh Ghazali Taib dan Halim Ali (2018:45) berdasarkan teori *New Historicism* oleh Stephen Greenblatt ini dilihat mampu membandingkan peristiwa-peristiwa dalam novel *Gerila* dengan fakta-fakta sejarah yang berlaku di Patani. Sememangnya fiksyen merupakan sebuah rekaan cerita namun apabila disuntik dengan kisah yang benar-benar berlaku akan menjadi sebuah fiksyen yang sangat menarik untuk dibaca dan dikaji. Tambahan lagi, karya tersebut dapat menjadi suatu alat untuk menyebarkan untuk nasionalisme kepada para pembaca terutamanya bangsa Melayu Patani. Selain itu, kebijaksanaan Lukman Iskandar mengaburkan fakta-fakta sejarah sebenar dengan unsur fiksyen daripada diambil tindakan oleh pihak berkuasa tertentu membuktikan kekreatifan Lukman Iskandar dalam mengendalikan fiksyen dengan fakta. Semangat nasionalisme yang terdapat pada Raziman dalam novel ini sebenarnya menjadi cerminan jiwa dan keperibadian Lukman Iskandar untuk membakar semangat nasionalisme kepada pembaca novel ini. Hal ini tentunya memberikan kesedaran kepada pembaca. Pengarang menggunakan karyanya sebagai satu usaha untuk membebaskan Patani menjadi sebuah negara merdeka. Dalam hal ini, Lukman Iskandar berjaya menggunakan karyanya sebagai satu wadah perjuangan bangsa Melayu Patani zaman moden. Karya ini jika dibaca dengan teliti mampu memberikan pembaca ruang untuk membuat penilaian sendiri terhadap nasib masyarakat Patani di samping menjadi rujukan kepada pembacanya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan dana Geran Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PHUMANITI/6315025).

## RUJUKAN

- Ahmad Belia. (2009, Mei 6). *Ahmad Belia*: <http://ammosham.blogspot.com/2009/05/tasik-kenyir-cerita-empat.html>. Retrieved from Mat Tiara - oh tidak tidak aku adalah kancilman.: Didapatkan Ogos 12, 2018, daripada <http://ammosham.blogspot.com/2009/05/tasik-kenyir-cerita-empat.html>
- Althusser, Louis. (2010). *Tentang Ideologi: Strukturalisme Marxis, Psikoanalisis, cultural Studies*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Aminoh Jehwae. (2017). "Krisis Masyarakat Melayu di Selatan Thailand dalam Cereka Terpilih: Satu Pendekatan Kajian Budaya". Tesis Phd: Universiti Sains Malaysia.
- Apsanti Djokosujatno. (2010). "Novel Sejarah Indonesia: Konvensi, Bentuk, Warna, dan Pengarangnya. Hubs-Asia 10(1).
- Ariff Mohamad. (2016). "Makna siratan dalam novel politik Melayu terpilih: Analisis berdasarkan gagasan kritikan Melayu.". Tesis PhD.: Universiti Malaya.
- Bianco, J. L. (2016). On Terrorism, Inclusion, Reconciliation and the Thai State.

- Che Mohd Aziz Yaacob. (2012). "Asimilasi Bangsa Melayu di Patani: Keberkesanan Dasar dan Survival Budaya Minoriti the Assimilation of the Malays in Patani: The Effectiveness of Policies and Survival of the Minority Culture." *Jebat* 39(1):97.
- Ghazali Taib dan Halim Ali. (2018). "Analysis of New History in Novel '1515' (42-57)." *Jurnal Peradaban Melayu*, 13(1).
- Greenblatt, S. J. (1980). *Renaissance Self-Fashioning: From More to Shakespeare*. Chicago: Press
- Hawthorn, J. (1996). *Cunning Passages New Historicism, Cultural Materialism, and Marxism in the Contemporary Literary Debate*. Trondheim: Holder Education Publisher.
- Isma Ae Mohamad. (2009). "Disebalik Perjuangan Yang Gagal". Kuala Lumpur, Malaysia: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Jorgensen, M. W. (2007). *Analisis Wacana Teori dan Metode*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Karim Hassan (1994). *Perjanjian Damai Di Antara BRN dan Tentera Bagian Empat*. Patani: Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani.
- Lukman Iskandar (2009). *Gerila*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications& Distributors Sdn. Bhd. karya.
- Manu Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemporari*. Selangor: Penerbit Pustaka Karya.
- Nazmi Yaakub. (2017, Ogos 27). *Patriotisme latar kekuatan Gerila*. Kuala Lumpur: Berita Minggu.
- Rahimah Abdul Hamid, Md Salleh Yaapar & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2015). "Lirik Lagu Perjuangan Melayu-Islam Pattani Media Baharu: Suatu Analisis". *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 288-309.
- Rappa, A. L. "Urban Terrorism and Political Violence in Southern Thailand: The Case of Patani, Yala. Narathiwat." *Journal of African and Asian Local Government Studies*, 2(2), 128-142.
- Rozais Al-Anamy. (2014, November 23). "Fiksi Sejarah Kekejaman di Patani". *Utusan Malaysia*.
- Siti Hajar Che Man. (2015). "Darah dan Air Mata Perjuangan Wanita di Tanah Selatan: Menerusi Novel *Lukanya Merah Karya Rohani Deraman*". Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2015). "Konflik Melayu Pattani dengan Pihak Berkua Thailand: Kajian Strategi Retorik dalam Laman Sesawang". *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 257-287.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Veeser, H. A. (1989). *Introduction to the New Historicism*. New York: Routledge.
- Wellek, R. & Waren, A. 1995. Teori kesusasteraan. Jakarta: PT. Grasindo.